

BAB EMPAT : TINJAUAN PENGUASAAN PELAJAR PERINGKAT SPM DALAM PENGGUNAAN MASDAR THULĀTHĪY MAZĪD.

4.0. Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang soal selidik dan juga temu bual serta ujian yang telah dijalankan kepada beberapa orang pelajar serta guru bahasa Arab di sebuah sekolah agama di negeri Kedah.

Soal selidik ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar dalam penggunaan masdar thulāthīy mazīd yang terbit daripada kata kerja thulāthīy mazīd. Penulis juga cuba menganalisis peratus pencapaian pelajar daripada soal selidik dan ujian yang diberikan kepada pelajar. Rumusan kajian akan diberikan di akhir bab ini.

Tujuan dimasukkan soal selidik sebagai salah satu bab dalam kajian ini ialah sebagai pelengkap kepada disertasi yang menumpukan aspek masdar thulāthīy mazīd. Kajian berbentuk soal selidik ini dijalankan secara ringkas sahaja sebagai tinjauan kepada penguasaan para pelajar.

4.1. Ruang Cakup Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada pelajar peringkat SPM di sekolah Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah, iaitu sebuah sekolah agama di bawah kerajaan negeri Kedah. Penulis memilih sekolah ini kerana ianya mempunyai pelajar yang ramai dan

juga mementingkan bahasa Arab sebagai mata pelajaran wajib di samping penulis sendiri tinggal berdekatan dengan sekolah ini.

4.2. Responden

Soal selidik ini telah dijalankan kepada 32 orang responden yang terdiri daripada 30 orang pelajar, 15 lelaki dan 15 orang perempuan. Manakala 2 orang lagi terdiri daripada guru bahasa Arab.

4.3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis tahap penguasaan dan pemahaman pelajar dalam penggunaan pola masdar thulāthiy mazid yang terbit daripada kata kerja thulāthiy mazid serta semantik kata kerja thulāthiy mazid.

4.4. Metodologi kajian

Kajian telah dijalankan berdasarkan soal selidik dan temu bual dengan beberapa orang pelajar dan guru. Melalui soal selidik ini penulis telah meninjau sejauh mana pelajar mempelajari serta memahami masdar thulāthiy mazid serta kata kerjanya. Penulis juga cuba mengenal pasti kelemahan pelajar dalam memahami semantik yang terbit daripada pelbagai kata kerja thulāthiy mazid.

Manakala melalui temu bual daripada guru bahasa Arab pula penulis cuba meninjau sejauh mana tajuk ini diajar kepada pelajar dan mengenal pasti sukanan pelajaran bahasa Arab serta buku yang digunakan dalam pembelajaran.

Ujian bertulis telah diberikan kepada 30 orang pelajar yang terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan. Dalam ujian ini, penulis telah membahagikan kepada lima bahagian soalan dan masa yang diperuntukan ialah 1 jam. Soalan ujian adalah berbentuk subjektif dan sebahagian lagi adalah soalan objektif dengan peruntukan markah setiap satu bahagian ialah 10 markah dan jumlah keseluruhannya ialah 50 markah.

Pada bahagian pertama, pelajar dikehendaki membina ayat daripada pelbagai kata kerja *thulāthiy mazid*. Sebanyak lima soalan telah diberikan. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dalam membuat ayat dengan menggunakan kata kerja *thulāthiy mazid* yang berbeza pola.

Manakala di bahagian kedua, pelajar dikehendaki menyebut masdar bagi kata kerja *thulāthiy mazid* yang bergaris dalam ayat yang telah diberi. Sebanyak lima soalan telah diberikan kepada pelajar. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana penguasaan pelajar mengenai masdar *thulāthiy mazid* yang terhasil daripada kata kerja *thulāthiy mazid*.

Di bahagian ketiga, pelajar dikehendaki menentukan yang manakah masdar yang tepat bagi kata kerja *thulāthiy mazid* yang diberikan. Sebanyak sepuluh soalan telah diberikan daripada pelbagai pola kata kerja *thulāthiy mazid*. Ianya bertujuan untuk

meninjau penguasaan serta pemahaman pelajar dalam penggunaan masdar thulāthīy mazid.

Di bahagian keempat pula, pelajar perlu menentukan kata kerja yang tepat bagi pola masdar yang diberikan. Ia bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar mengenai kata kerja thulāthīy mazid dan juga masdar yang terhasil daripadanya.

Manakala bahagian kelima, pelajar dikehendaki menyebut makna dalam bahasa Melayu bagi kata kerja thulāthīy mazid yang bergaris yang telah diberi. Ia bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pelajar memahami semantik kata kerja daripada ayat yang diberi.

4.5. Dapatan Kajian

Daripada soal selidik dan temu bual serta ujian yang telah diberikan terhadap 30 orang pelajar, penulis dapat membuat rumusan seperti berikut :

1. Ujian bertulis

Penulis telah mengkategorikan kepada tiga peringkat pelajar berdasarkan skima pemarkahan seperti berikut :

Bil	Skima Pemarkahan	Pangkat	Bil Pelajar	Peratus pelajar
	50		30	100%
1	1-29	Lemah	12	40
2	30-39	Sederhana	16	53
3	40-50	Baik	2	7

Daripada jadual, sebanyak 53% pelajar yang mendapat pangkat sederhana. Manakala 40% pelajar yang masih lemah dan 7% sahaja pelajar yang dapat menjawab dengan baik melalui ujian ini.

Oleh yang demikian, penulis berpendapat, penguasaan pelajar dalam masdar thulāthiy mazid dari aspek pola dan semantik masih di tahap sederhana. Penulis mendapati, ramai pelajar keliru mengenai kata kerja thulāthiy mazid serta masdarnya.

Aspek semantik pola kata kerja thulāthiy mazid ini difahami oleh pelajar namun tidak menyeluruh. Contohnya penggunaan kata kerja كسر (berderai atau terpecah) daripada كسر (memecahkan). Pelajar gagal menggunakan kata kerja ini dengan betul dalam pembentukan ayat. Contohnya pelajar menyatakan : كسر محمد الزجاج (terpecahlah Muhammad kaca itu) sepatutnya الزجاج (Muhammad telah memecahkan kaca itu).

Antara kesalahan yang lainnya, pelajar gagal memberikan masdar yang betul daripada kata kerja thulāthiy mazid. Contohnya perkataan قطع (mencincang) pelajar menyatakan masdarnya ialah قطاع (sebahagian potongan atau sektor) dan ada yang menyatakan مقطوع (yang dipotong) dan sebagainya

sedangkan perkataan **قطاع** adalah masdar bagi pola kata kerja **فَاعلَ**. Manakala

pula ialah *isim maf'ūl* (kata nama objek / retained object). Jawapan

yang tepat bagi pola **قطع** (**مُقْطَع**) ialah **نَقْطَع** (cincangan).

Manakala dari aspek yang lain, pelajar gagal menentukan kata kerja **ثُلَاثِيَّةِ مَازِدٍ** bagi masdar yang diberikan. Contohnya masdar **إخراج**

(pengeluaran) pelajar menyatakan kata kerjanya ialah **خُرُجَ** (mengeluarkan)

yang mana kata kerja ini masdarnya ialah **خُرُجَةً** (pengeluaran). Jawapan yang

sebenarnya ialah **أَخْرَجَ** (mengeluarkan).

Dari sudut semantik pola , pelajar kurang jelas memberi makna dalam bahasa Melayu daripada kata kerja **ثُلَاثِيَّةِ مَازِدٍ**. Contohnya perkataan **شَارَنْ**

yang memberi makna “ saling membantu ”, pelajar menyatakan maknanya ialah “ penolong ” dan ada pula yang memberi makna “ menolong ” . Begitu juga dengan perkataan **كسَرْتُ** yang membawa makna “ saya telah memecahkan ”,

mecahkan ”, pelajar menyatakan maknanya ialah “ saya pecahkan ” dan ada juga memberi makna “ saya melepaskan ” serta “ saya menceraikan ” dan sebagainya.

Terdapat juga pelajar memberi makna yang menyimpang jauh daripada makna asal. Contohnya perkataan **جَادَلْ** yang bermaksud “ saling bertelingkah atau berlawan ”, pelajar menyatakan maknanya ialah “ berdamai ” dan ada juga yang menyatakan maknanya ialah “ berbaik-baik ”. Begitu juga dengan perkataan **أَرْشَى** yang bermaksud “ telah diberi rasuah ”, pelajar menyatakan maknanya ialah “ menunjukkan ” dan ada juga yang memberi makna “ menaik ”, “ menjemput ” dan sebagainya.

2. Soal selidik dan temu bual

Daripada soal selidik dan juga temu bual yang telah dijalankan kepada 30 orang pelajar peringkat SPM dan 2 orang guru bahasa Arab di sekolah tersebut, penulis mendapati pelajar tidak mempelajari secara khusus mengenai masdar thulāthiy mazid dan juga kata kerja thulāthiy mazid. Pelajar mengakui telah mempelajari tajuk ini tetapi secara tidak langsung. Guru hanya menerangkan kegunaan kata kerja ini daripada perkataan yang ditemui semasa pembelajaran.

Manakala hasil temu bual penulis dengan guru bahasa Arab pula beliau menyatakan tajuk ini tidak terdapat di dalam sukanan pelajaran SPM dan tidak diajar dengan terperinci. Beliau menyatakan tidak terdapat banyak soalan yang berkisar mengenai tajuk ini di dalam peperiksaan. Guru hanya menerangkan

kepada pelajar kegunaan pola kata kerja *thulāthiy mazid* dan maknanya apabila menemui kata kerja ini semasa dalam pengajaran.

4.6. Kesimpulan

Daripada dapatan kajian yang telah diperbincangkan, jelas menunjukkan faktor kegagalan pelajar dalam menguasai dan memahami pola kata kerja, masdar yang terhasil serta semantik kata kerja *thulāthiy mazid* ialah :

1. Kurangnya pendedahan kepada pelajar mengenai tajuk ini.
2. Ianya tidak dijadikan sebagai tajuk yang khusus dalam pembelajaran.
3. Pelajar keliru mengenai pola yang pelbagai daripada kata kerja *thulāthiy mazid* dan masdar yang terhasil serta kegunaan semantik kata kerja.
4. Pelajar lebih terdedah dari aspek pola kata kerja sahaja manakala tidak ditekankan aspek masdar kata kerja ini serta semantik kata kerja.
5. Tajuk ini tidak wujud dalam sukanan mata pelajaran bahasa Arab peringkat SPM.